

Ruangan KELUARGA ingin mendapatkan maklum balas anda. Apakah kelemahan yang boleh kami perbaiki? Liputan bagaimanakah yang wajar diterokai? Kirimkan saranan anda kepada:

Pengelola KELUARGA, Ekstra, Berita Harian, 1000 Toa Payoh North, Singapura 318994.



Oleh  
**Salma Semono**  
salmas@sph.com.sg

## DIDIK ANAK

# elak JAHIL

### Mesti ada ilmu keibubapaan sebelum masuki dunia ibu bapa



Foto: Salma Semono

**U**sah masuk ke alam ibu bapa dengan keadaan jahil ilmu keibubapaan kerana ini akan memudaratkan keluarga dan anak-anak anda.

Malangnya inilah yang berlaku di kalangan ramai ibu bapa hari ini.

Tetapi jika anda mempunyai ilmu keibubapaan, bukan saja anda akan berasa menjadi ibu bapa itu seronok, malah anda mudah menghasilkan anak-anak yang berakhlak dan rajin menimba ilmu.

Peri pentingnya ilmu keibubapaan ini telah ditekankan oleh Profesor Muhammad al'Mahdi, pakar psikologi kanak-kanak dan klinikal dari Amerika Syarikat yang kini menetap di Malaysia, dalam satu temu bual dengan *Berita Harian*.

Beliau, yang telah membuka sekolah rendah pertama di Malaysia yang menerapkan sepenuhnya program Khalifah Allah, satu program pembangunan kanak-kanak yang diolahnya sendiri, berada di sini akhir bulan lalu untuk mengendalikan seminar setengah hari untuk guru-guru tadika dan ibu bapa.

"Oleh kerana jahil ilmu keibubapaan, ramai ibu bapa tidak tahu meletakkan batas dan berasa susah hendak mendisiplinkan anak-anak mereka. Mereka menjadi lemah dan bersikap toleran kepada anak-anak. Lebih buruk lagi ialah ibu bapa yang bersikap permisif terhadap anak-anak," katanya dengan nada agak kesal.

Beliau tidak menegah ibu bapa mem-

jakan anak-anak. Malah beliau tidak setuju jika ibu bapa memukul bantai anak-anak tanpa sebab wajar kerana ini sedikit sebanyak menjejaskan psikologi dan emosi anak-anak itu.

Bilakah anak perlu dipukul?

Beliau memberi contoh tentang seorang anak berusia tiga atau empat tahun yang tiba-tiba meluru dan mahu menyeberang jalan raya yang sibuk.

Anak ini mesti dipukul kerana ia mahu melakukan sesuatu yang sangat membahayakan dirinya, kata beliau tetapi menambah: "Pukul tiga kali di punggungnya. Bukan pukul hingga cedera. Dan beritahu dia kenapa dia dipukul."

Profesor Muhammad, yang nama asalnya John Charles Jenkins, pernah menjadi ketua psikologis dalam program Head Start — satu program nasional pembangunan kanak-kanak di Amerika Syarikat — di Universiti Harvard.

Beliau berkata ibu bapa yang menghantar anak-anak yang buruk kelakuannya ke sekolah adalah ibu bapa yang tidak adil.

Ini kerana ibu bapa, sebagai guru pertama kepada anak-anak itu, tidak menerapkan nilai-nilai murni kepada anaknya sejak kecil sehingga si anak menjadi gangguan kepada murid-murid lain dalam darjahnya.

Beliau mengingatkan ibu bapa agar berganding bahu dengan guru-guru sekolah untuk mendidik anak mereka dan bukan melepaskan tanggungjawab ini sepenuhnya kepada guru.

Oleh itu, katanya, di sekolah yang ditu-

“

**Oleh kerana jahil ilmu keibubapaan, ramai ibu bapa tidak tahu meletakkan batas dan berasa susah hendak mendisiplinkan anak-anak mereka. Mereka menjadi lemah dan bersikap toleran kepada anak-anak. Lebih buruk lagi ialah ibu bapa yang bersikap permisif terhadap anak-anak.**

— Profesor Muhammad al'Mahdi (*atas*).

buhkannya, beliau pastikan ibu bapanya telah mengikuti kursus-kursus keibubapaan anjuran Institut Khalifah agar mereka boleh membantu anak-anak mereka di rumah.

Sebab, tambah beliau, sekolah tersebut ditubuhkan sebagai lanjutan daripada usaha pendidikan keibubapaan yang dianjurkan oleh institut tersebut.

Sekolah pada masa ini hanya mengadakan kelas darjah satu hingga tiga melaksanakan sepenuhnya kurikulum nasional dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama. Ia turut menyediakan pengajaran bahasa Melayu dan Arab kepada murid-muridnya.

Sekolahnya itu, kata Profesor Muham-

mad, mengamalkan sikap 'toleran sifar' terhadap kanak-kanak yang berkelakuan buruk kerana ia mahu menghasilkan anak yang bukan saja cintakan ilmu malah turut berakhlak mulia.

"Kami mahu setiap murid di sekolah kami sedar betapa pentingnya mempunyai nilai-nilai hidup yang baik sebagai khalifah Allah," jelas beliau, sambil menekankan bahawa anak-anak yang sudah disemai dengan nilai-nilai hidup yang baik sejak kecil insya-Allah akan menjadi anak-anak yang mampu menolak pengaruh buruk yang banyak melanda belia hari ini.

Seminar kendalian beliau itu dianjurkan oleh Masjid Assyakirin.